

# Fathin Faqihah raih emas 200m wanita

Oleh NOR AZAN FITRI

AHMAD HIDZIR

sukan@utusan.com.my

KUALA LUMPUR - Atlet remaja kebangsaan, Fathin Faqihah Mohd. Yusof mencatat nama selaku pemenang pingat emas, selain memecah rekod kejohanan bagi acara 200 meter wanita pada hari terakhir olahraga Sukan Institusi Pengajian Tinggi (SukIPT) 2014 di Stadium Arena Universiti Malaya (UM) di sini semalam.

Atlet kelahiran Tawau, Sabah berusia 18 tahun yang mewakili Kolej Komuniti Sabah itu mencatat masa 25.97 saat, memadam rekod lama 26.21s.

Chiew Hui Lian dengan catatan 26.00s dari Universiti Putra Malaysia (UPM) dan seorang lagi atlet kebangsaan, Nurul Faiyah Asma Mazlan (26.91s) dari Universiti Malaysia Perlis (UNIMAP) masing-masing meraih perak serta gangsa.

"Selepas ini saya akan cuba capai sasaran untuk mendapatkan pingat di Sukma bagi acara 200 dan 400m, selain menyertai Terbuka Sabah bagi melayakkan diri ke Kejohanan Remaja Asia di Taiwan," kata Fathin Faqihah yang turut meraih perak dalam 100m wanita.

Seorang lagi atlet kebangsaan, Harith Ammar Mohd. Sobri meraih emas 200m lelaki dengan masa 22.26s, menewaskan Mohamad Afif Zulhusmi Alet (22.44s) dari Universiti Teknologi Mara (UiTM) dan Mohd. Shahmimi Azmi (22.66s) dari UNIMAP.

"Saya akan menjalani latihan intensif selepas ini sebagai usaha mempersiapkan diri untuk menyertai Sukma di Perlis," kata pemenang pingat perak acara 200 meter Sukan SEA Myanmar 2013 itu.

Dalam saingan 4x400m lelaki, kuartet UNIMAP meraih emas de-

ngan catatan 3 minit 21.86 saat, manakala UiTM di tempat kedua (3:25.16s), diikuti Politeknik Pulau Pinang 3:26.11s.

Kuartet Universiti Putra Malaysia (UPM) meraih emas 4x400m wanita dengan catatan 4:07.21s.

Wakil Kolej Komuniti Pulau Pinang, M. Jayseelans memenangi acara 3,000 meter lari berhalangan lelaki dengan masa 10:22.03s, menewaskan rakan sekolej, Muhammad Firdaus Abdul (10:27.92s).

Bagi acara 3,000m lari berhalangan wanita, hanya dua peserta bertanding dengan wakil Institut Pendidikan Perguruan Pulau Pinang, Anathasia Thomas meraih emas menerusi masa 16:42.67s, menewaskan Chi Mei Fen dari Sunway University dengan catatan 18:52.86s.

Dalam acara hoki, gol tunggal pemain kebangsaan, Mohd. Fitri Shaari pada minit pertama permainan memastikan UM meraih emas selepas menewaskan Politeknik Johor 1-0 di Stadium Hoki Lembah Pantai.

Gangsa menjadi milik UiTM selepas menundukkan Universiti Sultan Zainal Abidin 2-0.

Bagi acara Hoki Wanita, Universiti Teknologi Malaysia (UTM) meraih pingat emas selepas melakar kemenangan 3-0 ke atas UPM menerusi jaringan Siti Noor Amarina Ruhani (minit keempat) Noor Hazliza Md. Ali (minit ke-17 dan ke-20).

Gangsa milik UiTM selepas menundukkan Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) 2-0 menerusi jaringan Nur Farah Sya-

hira Md. Yusof pada minit ketujuh dan Areena Abdullah seminit kemudian.

Dalam acara bola jaring, UTM muncul juara selepas menewaskan UiTM 45-20, manakala gangsa menjadi milik UM selepas menewaskan Politeknik Perlis 34-28.



**FATHIN** Faqihah Mohd. Yusof meraikan pingat emas yang dimenangi pada Sukan Institusi Pengajian Tinggi di Universiti Malaya, Kuala Lumpur semalam.